

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 48 RABU 1 DISEMBER 1971. 1391 رابو 12 شوال PERCHUMA



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan Bintang Kebesaran Negeri Brunei, Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Darjah Laila Utama — D.K. kepada Yang Amat Berhormat Viscount Boyd of Merton (gambar atas).

Istiadat mengurniakan Bintang Kebesaran itu telah diadakan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana pada minggu lalu.

Yang Amat Berhormat Viscount Boyd yang dulu-nya dikenali sa-bagai Tuan Alan Lennox-Boyd ia-lah bekas Setia Usaha Rendah Negara di-Pejabat Commonwel.

Di-istiadat itu juga Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan Bintang Kebesaran Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa — P.S.P.N.B. kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja, Dato Setia Col. J.J.H. Simpson dan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia — D.S.N.B. kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Laila Jasa W.J. Peel. (gambar2 di-muka 2)

Dato Peel yang sekarang menjadi Ahli Parlimen British ia-lah bekas British Resident di-Brunei dari tahun 1946 hingga 1948.

D.Y.M.M. AKAN MERASMIKAN MAKTAB PERGURUAN BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan merasmikan pembukaan Maktab Perguruan Brunei yang baru di-Jalan Gadong pada hari Sabtu 11hb. Disember, jam 9.00 pagi.

Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan menamakan maktab tersebut bersempena dengan nama baginda dan mulai 11hb. Disember, maktab yang baru itu di-kenali dengan nama Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah.

Pada sebelah tengah hari-nya pula, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan menyampaikan sijil2 kepada penuntut2 yang telah

tamat menjalani latihan sa-lama tiga tahun di-maktab itu.

Dalam majlis penyampaian sijil2 itu, sa-ramai 215 orang guru — 125 orang lelaki dan 90 orang perempuan akan menerima sijil2 mereka.

Pengetua Maktab itu, Awang P.D. Parshad meminta guru2 yang akan menerima sijil pada hari itu supaya menghubongi-nya sa-belum tarikh penyampaian sijil2 tersebut (nama2 guru2 yang akan menerima sijil di-majlis itu, di-siarkan di-muka 7).

Pada hari Ahad 12hb. Disember, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah akan di-buka kepada orang ramai untuk menyaksikan pameran2 yang akan di-pertunjukkan oleh pen-sharah2 dan penuntut2 bagi menerangkan peranan yang di-mainkan oleh bahagian2 yang tertentu di-maktab tersebut.

Pelawat2 ada-lah di-alu2kan mengunjungi maktab itu dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari pukul 2.00 petang hingga 4.30 petang.

Lebih 50 ribu mengunjungi Muzium Peringatan Churchill

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari 50,000 orang telah berkunjung ka-Muzium Peringatan Churchill di-Bandar Seri Begawan untuk menyaksikan berbagai pameran sejak bangunan itu di-buka kepada orang ramai sa-minggu yang lalu.

Muzium Peringatan Churchill itu telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada hari Selesa 23hb. Nobember yang lalu.

Muzium Peringatan Churchill itu di-buka kepada orang ramai pada tiap2 hari dari jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang. Ia-nya di-tutup pada tiap2 hari Isnin.

Perpustakaan Dewan Bahasa

dan Pustaka di-bangunan itu juga di-buka pada tiap2 hari bekerja dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 1.30 petang hingga 4.00 petang kechuali hari Jumat dan hari Ahad.

Pusat Sejarah dan Kebudayaan Brunei di-tutup buat sementara dan Akuarium Hassanal Bolkiah akan di-buka kepada orang ramai pada awal tahun hadapan.

Buku sejarah maseh di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buku Sejarah yang bertajok "Chatatan Sejarah Perwira dan Pembesar2 Brunei" yang di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang di-jual di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-Bandar Seri Begawan.

Buku tersebut pertama kali di-jual sa-masa pembukaan rasmi Muzium Peringatan Churchill pada 23 Nobember.

Pepereksaan bahasa Jepun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa akan mengadakan pepereksaan bahasa Jepun dan China dalam bulan ini.

Sa-ramai enam orang chalu akan mengambil pepereksaan bahasa Jepun pada 7 dan 8 Disember dan dua orang chalu akan mengambil pepereksaan bahasa China pada 8 dan 9 Disember.

Perkara2 yang akan di-pereksa dalam kedua2 pepereksaan itu ia-lah bachean, lisan renchana dan tulisan.

Pepereksaan itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Puser Ulak, Bandar Seri Begawan mulai jam 5.15 petang.

Buku itu mengandongi cherita2 berkenaan dengan empat orang pembesar Brunei — Awang Alak Betatar, Sultan Sharif Ali, Sultan Bolkiah dan Pengiran Temenggong Rajid.

Buku itu di-susun oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohamed Jamil Al-Sufri.



D. Y. M. M. KURNIAKAN BINTANG2 KEBESARAN

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan Bintang Kebesaran — Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa — P.S.P.N.B., kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Dato Setia Colonel J.J.H. Simpson (gambar atas).

Istiadat mengurniakan Bintang Kebesaran itu di-adakan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana pada minggu lalu.

Di-istiadat itu, Duli Yang Maha Mulia juga telah mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia — D.S.N.B., kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang W.J. Peel. (gambar kiri).



16 orang memohon untuk mendapatkan dermasiswa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran telah menerima 16 permohonan bagi dermasiswa yang di-tawarkan oleh kerajaan2 United Kingdom, Canada, Trinidad dan Tobago bagi melanjutkan pelajaran di-universiti2 di-negeri2 mereka mulai dalam musim akademik 1972-1973.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, jabatan itu akan menjalankan pemilihan sa-belum menghantarkan nama2 mereka ka-negara2

yang berkenaan.

Pemohon2 itu ia-lah Lai Foo Hing, Humphrey Chin Tsun Lok, Deniel Louis Keasberry, Ismail bin Haji Ahmad, Yee Phung Khong, Ismail bin Awang Apit, Lai Kim Chuan, Anthony Liew Vun Chiang, Bennett Archibal Keasberry, Dickie Chong Thin Choi, Abdul Ghani bin Bujang, Foo Eng Nong, Lee Hong Keng, Dayangku Noralam binte Pengiran Mahmood, Nordin bin Mohd. Yusof dan Lai Yin Khoo

Bekalan letrik di-perluas ka-Layong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rancangan bekalan kuasa letrik negeri akan di-luaskan dari balai pulis Lamunin ka-Layong di-Daerah Tutong, sa-baik2 sahaja kerja memasang kawat di-atas siap di-kawasan itu.

Kira2 satu pertiga kerja2

mendirikan tiang2 yang di-jalankan di-sepanjang tepi jalan itu telah siap. Bekalan letrik itu ia-lah bagi Rancangan bekalan Ayer Tutong.

Satu lagi usaha meluaskan bekalan letrik akan di-adakan di-Kampung Sungai Belukut dalam Daerah Brunei-Muara.

Lawatan pulis ka-pusat2 pertanian

KILANAS. — Satu rombongan anggota2 pulis dari Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara telah melawat ka-Steshen Pertanian Luahan pada minggu lalu.

Mereka juga telah melawat pusat pemeliharaan binatang Jerudong dan Steshen Pertanian Kilanas.

Sa-belum di-bawa melawat ka-kawasan steshen itu, pelawat2 itu telah di-beri penerangan mengenai dengan steshen itu oleh pegawai2 pertanian dan penyelia2 steshen itu.

Kerja2 memasang tiang2 di-sepanjang jalan antara Kg. Serdang dan Kampung Sungai Belukut telah siap sementara kerja2 menyambung dan menguji-nya sedang di-laksanakan, dan bekalan letrik ka-rumah2 di-sepanjang jalan tersebut akan di-adakan tidak lama lagi.

Projek saloran ayer kotor selesai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 pembinaan projek saloran ayer kotor yang moden di-kawasan Bandar Seri Begawan pada keseluruhan-nya telah pun siap.

Sharikat Binnie dan Rakan, ia-lah jurutera penasehat yang mereka dan mengawasi kerja2 pembinaan-nya bagi pehak kerajaan sementara pehak pemborong-nya ia-lah Sharikat Pemborong Mitsui Jepun.

Sa-orang juruchakap jurutera penasehat menyatakan, pehak pemborong sedang menjalankan kerja2 terakhir projek itu.

Kata-nya, projek akan dapat di-gunakan sa-baik2 sahaja beberapa saloran yang chukop ke-bangunan2 di-lakukan dan kontrek bagi penyambungan bangunan2 besar-kerajaan ka-pada sistem itu sedang di-persiapkan.

Kerja2 ka-atas projek itu bermula dalam bulan Februari tahun 1968 dengan menelan belanja kira2 \$19 juta.

Ia-nya antara lain meliputi pembinaan pusat pemberseih dan sistem saloran ayer kotor termasuk pusat2 pengepam.

Kesemua-nya ada enam pusat pengepam, lima di-sepanjang saloran ayer kotor dan sa-buah lagi di-pusat pemberseih.

Tujuan rancangan tersebut ia-lah bagi menghapuskan sistem yang menggunakan tong2 kerana perkembangan2 kawasan bandar.

Najis dan ayer kotor akan di-salurkan melalui paip untuk di-buang ke-perayeran Sungai Brunei di-Kota Batu.

78 orang bakal haji bertolak pada 7 Dis.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujoh puluh lapan orang bakal haji dari Brunei akan berlepas ka-Labuan dalam perjalanan mereka ka-Mekah untuk menunaikan farhu Haji pada hari Selesa, 7 Disember ini.

Dari Labuan bakal2 haji itu akan menaiki kapal Malaysia Baru ka-Jeddah melalui Singapura.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, untuk memberi kesenangan kepada bakal2 haji itu dalam pelayaran ka-Labuan barang2 berat akan di-kiriskan sa-chara berasingan dengan kapal RCL Sindaun.

Juruchakap itu meminta bakal2 haji supaya menghantarkan barang2 mereka yang berat ka-kapal RCL Sindaun pada pukul 4.00 petang 6 Disember, kerana kapal itu akan bertolak ka-Labuan lebeh awal dari kapal2 lain.

Juruchakap itu juga meminta bakal2 haji supaya berada di-tambatan Kastam Bandar Seri Begawan tidak lewat dari pukul 12.30 tengah hari, 7 Disember untuk mendengar sharahan ugama sa-belum kapal2 yang membawa mereka bertolak pada pukul 2.00 petang.

Jembatan di-perbaiki

ADA-LAH di-maalomkan kapada orang ramai bahawa jalan kecil di-Kampung Bengkurong ada-lah di-tutup kapada lalu lintas buat sementara waktu kerana menjalankan kerja bagi membaiki jembatan di-kampung tersebut.



KHUTBAH JUMA'AT

HADAPI MASA DEPAN DENGAN PENOH KEYAKINAN

**1,074 orang chalon
masuk pereksa
kelas dewasa**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,074 orang chalon akan mengambil pepeiksaan kelas dewasa dalam bahasa Melayu, tulisan, bacaan dan ilmu hisab dalam bulan ini.

Pepeiksaan itu akan di-adakan pada 10, 17 dan 18 Disember di-sembilan puluh enam buah pusat di-seluruh negeri.

Empat ratus dua puluh enam orang chalon akan mengambil pepeiksaan itu bagi perengkat permulaan, tiga ratus lima puluh empat menengah dan dua ratus sembilan puluh empat bagi perengkat tinggi.

Bagi perengkat menengah dan tinggi, ujian2 bacaan dan renchana dalam jawi akan di-adakan pada 10 Disember.

Bacaan dan renchana rumi bagi perengkat permulaan, menengah dan tinggi akan di-adakan pada 17 Disember sementara Bahasa Melayu dan Ilmu hisab bagi tiga2 perengkat itu akan di-adakan pada 18 Disember.

Semua chalon mesti-lah berada di-pusat2 pepeiksaan itu lima belas minit sa-belum pepeiksaan di-mulakan.

kerugian kapada diri masing2, maka kita percaya bahawa amalan berpuasa itu telah tidak memberi faedah yang boleh menguntungkan kapada kita. Dan itu-lah tanda-nya bahawa pengaruh Ugama belum mendalam di-dalam bathin dan jiwa masing2.

Pengaruh Ugama Islam di-dalam bathin dan ajaran keperchayaan-nya id-dalam jiwa menggerakkan sa-seorang manusia menunaikan kewajipan dengan sabar dan ikhlas, mengerjakan dan menjauhi larangan2 membuat keelokkan dan membuang keburukkan, tidak menipu dan khianat, tidak dengki dan hasad, tidak menghina dan merendah-tidak merasa megah dengan apa yang di-buat-nya. Ia bekerja sa-penoh hati, dengan penoh harapan dan perchaya kapada Allah dan kapada Allah tempat berserah tentang hasil-kerja-nya. Ia-nya sentiasa memandang jauh ke hadapan dan tidak jemu2 berikhtiar dan berusaha di-dalam perkara kebajikan.

BARU beberapa hari berlalu Hari Raya Puasa.

Hari raya itu telah pun kita sambut dan rayakan dengan penoh keshukoran dan kegembiraan.

Sekarang mula-lah kita menempoh hari2 biasa, hari2 yang akan mencherminakan apakah lathan berpuasa sa-lama sa-bulan Ramadhan itu benar2 memberi kesan kapada tingkah laku dan tindakan kita sa-hari2 atau pun tidak.

Kalau-lah berpuasa sa-lama sa-bulan itu tidak memberi sebarang kesan yang menaikkan peribadi yang lebeh matang di-dalam tingkah laku dan perbuatan kita di-masa2 sa-sudah puasa ini, dan kita maseh juga berada dalam keadaan yang lama dengan erti kata maseh mengamalkan pekerjaan2 yang mendatangkan

Sa-orang Islam dapat bekerja terus dengan mendapat balasan baik daripada Allah kalau keperchayaan kapada Allah itu tetap tegoh berku-bar2 di-dalam bathin-nya. Menurut pengajaran Islam semua pekerjaan di-dalam hidup kita sama ada pekerjaan yang faedah-nya kapada diri, kapada orang ramai atau kapada umat manusia ada-lah terhingtong pekerjaan yang di-hargai di-sisi Allah dan semua-nya itu termasuk dalam "Amal Salih" asalkan pekerjaan itu di-buat dengan niat kerana Allah dan menuntut keredhaan-nya.

AMAL SALIH

Amal salih bukan-lah satu, bukan-lah dua dan bukan pula tiga — pekerjaan yang baik atau amal salih itu banyak. Tiap2 orang patut-lah bekerja untuk amal salih yang banyak itu dan jangan-lah ingat kita telah berbuat kerana telah berbuat ibadat yang hanya baharu satu, jangan-lah hendaknya kita hanya berpada dengan mengerjakan puasa di-pangkal, di-tengah dan di-hujung-nya, kemudian bersembahyang hari raya fitrah, lepas

**"Sa-orang Islam
dapat bekerja terus
dengan mendapat
balasan baik
daripada Allah
kalau keperchayaan
kapada Allah itu
tetap tegoh
berkubar2 di-dalam
bathin-nya"**

itu kita abaikan amal ibadat dan amal2 yang lain. Tetapi amat-lah penting, kita akan sentiasa berjalan dan bertindak mengikut garis2 yang tertentu oleh Allah Subhanahu Wataala.

Oleh yang demikian, maka ada-lah di-serukan supaya tuan2 dan umat Islam sekalian menghadapi masa2 yang akan datang ini dengan jiwa yang lebeh berkeyakinan dan mengandakan tenaga dan usaha untuk menambahkan lagi mutu amal ibadat dan pekerjaan2 kebajikan dalam erti kata yang seluas2-nya.

Mudah2an dengan demikian pengaruh lathan dan berpuasa yang lalu itu akan menampakkan kesan-nya yang berguna kapada diri, masharakat dan negara kita.



SATU rombongan anggota Pulis Diraja Brunei dari Pusat Latihan Pulis, Jalan Muara telah melawat ka-pusat2 pertanian Kilanas, Luahan dan ladang ternakan di-Jerdong sa-bagai salah satu siri

lawatan sambil memerhati.

Gambar atas menunjukkan rombongan tersebut sedang di-beri penerangan oleh sa-orang pembantu pertanian ketika mereka melawat ka-pusat pertanian Luahan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1 Disember, 1971 hingga ka-hari Selasa 7 Disember, 1971 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari
1 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56 6-14
2 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56 6-14
3 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56 6-14
4 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56 6-14
5 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56 6-14
6 Dis.		12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59 6-17
7 Dis.		12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59 6-17

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tenga hhari.

SEKOLAH2 DI-BUKA SEMULA

Sa-panjang berbulan-bulan, hari ini berlibat orang murid dari sekolah2 di-negeri ini telah memulakan waktu2 untuk belajar dengan perhatian yang penuh sama ada di-sekolah atau pun di-rumah.

Memulakan persekolahan bagi murid2 sa-telah mereka berchuti panjang ada-lah merupakan satu perkara yang kekadang menimbulkan beberapa masalah yang dengan sa-chara terpaksa di-hadapi oleh para ibu bapa atau penjaga2 murid.

Antara masalah2 yang biasa di-hadapi oleh para ibu bapa itu ialah kelengkapan persekolahan untuk anak2 mereka seperti buku2, pensil, getah pemadam, penapis, kraya, penapis, dan sebagainya. Di-samping itu, para ibu bapa juga menghadapi persekolahan yang lain yang terpaksa di-adakan seperti kausut baru, sehelai baju baru atau yang disebut "uniform" sekolah.

Pendidikan yang tersebut adalah perkara yang mempunyai kuasa yang tersendiri yang kebanyakannya tidak digariskan oleh guru2, tetapi "di-negeri" oleh anak2 ibu bapa itu sendiri. Anak2 itu tahu akan kewajiban mereka sa-bagai "anak sekolah" yang mesti di-chekup dengan kelengkapan2 tersebut.

Kebiasaan anak2 yang berkekeluargaan sa-satu yang baru ini terutama untuk perkara2 yang penting bagi mereka seperti peralatan persekolahan itu bukan-lah merupakan perkara yang asing. Walau pun ada di-antara anak2 itu tidak berani mengingik kepada ibu bapa mereka untuk di-minta2 sekiranya sa-tu perkara tetapi dalam hal anak2 itu ada-lah di-yakini mereka sama juga dengan kelengkapan2 yang lain.

Kanak2 yang mulakan kelengkapan2 itu, tetapi tidak dapat di-tunaskan oleh bapa mereka mungkin menjadi satu sebab yang anak2 itu merasa diri-nya kecewa. Bila kekecewaan itu mempengaruhi mereka, maka ia-nya juga akan turut mempengaruhi keamatan mereka untuk belajar dan kadang2 ia-nya menjadikan mereka malas dan kurang berkeselamatan dalam pelajaran. Sa-bahagian besar anak2 juga mempunyai perasaan untuk tidak kalah dengan rakan2 mereka yang lain. Rakan2 mereka cukup di-lempari dan mereka juga ingin mendominasi. Ini juga dapat mempengaruhi keamatan pelajaran mereka. Bila rakan2 mereka menjadi malu yang tinggi, mereka juga mulakan dendam.

Perubahan hidup di-antara anak2 ada-lah perlu di-perhatikan oleh para ibu bapa dan ia-nya memerlukan kebijaksanaan untuk memandu mereka itu sa-hingga sampai ka-kedewasaan.

"Menduk" anak2 pada tempo2 yang tertentu seperti untuk pengetahuan dan pengalaman dan pelajaran mereka ada-lah lebih baik dari mendidik mereka bersekolah pada tempo2 yang kurang baik seperti membeikah wane berbingit untuk be-ban di-sekolah.

BRUNEI BEKERAJAAN SENDIRI DALAM NEGERI



Tuan Anthony Royle.

DULI Yang Maha Mulia.

Perjanjian yang baru saja kita tanda tangani merupakan satu perengat yang berarti dalam perhubungan antara Negara Brunei dan Kerajaan Baginda Queen.

Perhubungan yang muhibbah ini telah lama wujud dan patok merasa bertuah kerana dapat menyertakan diri dalam soal ini buat beberapa waktu sekarang.

Patek merasa amat sukacita kerana melalui perhubungan sa-demikian patek sendiri dapat memenui Duli Yang Maha Mulia serta Ayahanda Duli Tuan Patek dalam perundingan2 sa-belum penanda tangani perjanjian di-adakan.

Patek mengangapi ini ada-lah suatu tanda kehormatan bagi diri patek kerana dapat berserta dalam istiadat yang gemilang ini yang mana menunjukkan keinginan kedua buah negara kita bagi melanjut dan mempereratkan lagi perhubungan rapat yang ada sekarang ini.

Terdapat banyak perubahan dalam dunia ini sejak perjanjian pertama di-adakan antara Brunei dan Great Britain dalam tahun 1847 dan tidak kurang juga perubahan2 di-rantau Asia ini.

Tali perhubungan antara kedua negara kita tetap erat walaupun perubahan2 telah berlaku.

Sa-bagai membayangkan bahawa terdapat perhubungan yang stabil dan erat di-antara kita, maka perundingan semula telah dapat di-adakan dengan

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 1 Disember, 1971.

HARI Selasa, 23hb. Nohember, 1971 yang baru lalu sejajar perkembangan politik negeri ini telah memasuki ka-satu tahap yang melangkah ka-depan menuju ka-arah keutamaan yang di-chopai sa-chara aman yang berbandakan ka-pada dasar2 muhibbah.

Dengan memupukkan kepada kepentingan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta menegakkan nilai2 Darussalam, maka temeter-lah Pindaan Perjanjian 1959 berikutan dengan sempurna-nya istiadat menandatangani perjanjian itu yang berlangsung di-Lapau antara Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Hassanal Bolkiah, Ma'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Berhormat Tuan Anthony Royle yang mewakili Yang Maha Mulia Baginda Queen.

Di-bawah perjanjian itu, Negeri kita yang di-kasahi ini Brunei Darussalam akan memekati keratan sendiri yang sa-penoh-nya dalam negeri termasuk tanggung-jawab terhadap ketenteraman swam.

Uchapan Tuan Anthony Royle di-upachara menandatangani pindaan perjanjian 1959

penoh keyakinan bersama, atas shara2 perjanjian yang di-buat dalam tahun 1959 antara kedua buah negara kita supaya ia akan dapat memelihara keamanan dan dapat memelihara keamanan dan dapat memelihara keamanan.

Negeri Brunei sudah tentu-lah mempunyai perhubungan istimewa dengan Great Britain dan ini Perjanjian ini yang baru saja kita tanda-tangani oleh Duli Tuan Patek dan pater bagi perhubungan. Negeri Brunei sudah tentu-lah mempunyai perhubungan istimewa dengan Great Britain dan ini Perjanjian ini yang baru saja kita tanda-tangani oleh Duli Tuan Patek dan pater bagi perhubungan.

Duli Tuan Patek telah memohon supaya Britain terus bertanggung-jawab dalam perhubungan luar Brunei dan soal tersebut telah pun kami sedia peneru.

Memang tujuan kami bagi melaksanakan tanggung-jawab ini untuk faedah Brunei buai selama2-nya bagi keamanan dan harmoni sa-tiap negara di-rantau ini.

Persetujuan telah juga tercapai bahawa Great Britain tidak lagi akan bertanggung-jawab dalam hal ehwal dalam Negeri Brunei.

Kami telah menyaksikan dalam beberapa tahun yang sudah perhubungan ekonomi dan sosial yang telah berlaku di-bawah pimpinan Duli Tuan Patek serta Ayahanda Tuan Patek yang di-jalankan dengan bijaksana itu.

Brunei ialah salah sa-buah dari negara2 Asia yang sedang menikmati taraf hidup yang tinggi sekali dan ini ada-lah satu ukuran atas kemajuan yang telah berlaku dan kebolehan pada masa depan yang mana kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah membayai pembangunan2 ini dari sumber2 Brunei sendiri.

Kerajaan Baginda Queen memandang terhadap dengan penoh keyakinan terhadap kemajuan ekonomi, sosial dan perlembagaan pada masa depan bagi rayat Duli Tuan Patek serta penerusan kepercayaan yang muhibbah dan perlembagaan yang mendalam yang wujud antara negara pater Great Britain dan Brunei.

Persahabatan yang mendalam ini memperkokatkan perjanjian yang telah kita tanda-tangani petang ini.

Hal-ehwal luar Negeri Brunei akan terus di-perhatikan dan di-jawab oleh kerajaan Baginda Queen. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan akan berunding kah2 yang akan di-ambil i-hara dengan sa-batang mengenai luar ka-atas Negeri Brunei.

Ini ada-lah bermula bahawa Britain telah memberikan tanggung-jawab bagi hubungan perhubungan dengan Negeri Brunei, tetapi memantapkan dengan jawab-nya berhubung dengan hal-ehwal dalam Negeri Brunei.

Walaupun pun tanggungjawab Kerajaan Baginda Queen telah tamat dan telah berakhir, tetapi negeri ini dan terserah bulat-bulat kepada kerajaan Brunei sendiri, tetapi ia-nya antara kedua2 buah negara ini bakhian perlembagaan dan perhubungan kedua2-nya sa-tiap kali terus menerus berbandakan.

Yang Amat Berhormat Tuan Anthony Royle, wakil Yang Maha

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 1 Disember, 1971.

Mulia Baginda Queen yang menandatangani perjanjian itu, Negeri Brunei ada-lah terokti pada se-arah dengan membawa ka-arab kehidupan yang bertamudan dan selamat lagi makmur.

Baginda beritah bahawa ujud-nya perjanjian 1959 dulu telah memberikan kepada Negeri Brunei satu sistem kerajaan sendiri yang luas hingga sekarang.

Baginda amat berbesar terhadap perkara itu dan ia-nya amat mengembirakan baginda dan rayat Baginda ia-itu rayat Brunei Darussalam ini.

Bellau juga menyatakan tentang sikap Britain terhadap Asia Tenggara yang menurut beliau bahawa Britain ada-lah mengambil berat terhadap keamanan dan keselamatan di-Asia Tenggara.

Ini, menurut beliau, ada-lah jelas dengan temeter-nya pindaan perjanjian antara Britain dan Brunei ini dan juga peraliran peraliran tidak-lah menjadikan negeri ini sebagai kawasan itu. Negeri Brunei, kata-nya, sudah tentu mempunyai hubungan istimewa dengan Great Britain.

Menyebut mengenai perkembangan dalam Negeri Brunei, Britain nampak-nya telah berpijak pada apa-lah Tuan Anthony Royle memberikan pujian terhadap negeri ini. Beliau memuji bahawa Brunei telah mencapai taraf kehidupan paling tinggi di-Asia dan memuji kemajuan yang telah di-chapai dalam pembangunan negara dengan menggunakan sumber2-nya sendiri.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan beritah bahawa keazaman kerajaan dan rayat Baginda

Queen terhadap rayat dan Negeri Brunei ada-lah terokti pada se-arah dengan membawa ka-arab kehidupan yang bertamudan dan selamat lagi makmur.

Baginda beritah bahawa ujud-nya perjanjian 1959 dulu telah memberikan kepada Negeri Brunei satu sistem kerajaan sendiri yang luas hingga sekarang.

Baginda amat berbesar terhadap perkara itu dan ia-nya amat mengembirakan baginda dan rayat Baginda ia-itu rayat Brunei Darussalam ini.

Bellau juga menyatakan tentang sikap Britain terhadap Asia Tenggara yang menurut beliau bahawa Britain ada-lah mengambil berat terhadap keamanan dan keselamatan di-Asia Tenggara.

Ini, menurut beliau, ada-lah jelas dengan temeter-nya pindaan perjanjian antara Britain dan Brunei ini dan juga peraliran peraliran tidak-lah menjadikan negeri ini sebagai kawasan itu. Negeri Brunei, kata-nya, sudah tentu mempunyai hubungan istimewa dengan Great Britain.

Menyebut mengenai perkembangan dalam Negeri Brunei, Britain nampak-nya telah berpijak pada apa-lah Tuan Anthony Royle memberikan pujian terhadap negeri ini. Beliau memuji bahawa Brunei telah mencapai taraf kehidupan paling tinggi di-Asia dan memuji kemajuan yang telah di-chapai dalam pembangunan negara dengan menggunakan sumber2-nya sendiri.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan beritah bahawa keazaman kerajaan dan rayat Baginda

yang di-umandikan pada melaksanakannya pentadbiran kerajaan, Baginda beritah supaya mereka masing-masing akan memperbaiki pada memulainya.

Dalam jangka waktu itu, jika kita tidak dapat menunjukkan kemajuan yang kita kasahi ini ka-arab yang lebih makmur, aman dan tenteram, maka selagi itu-lah kita tidak dapat memastikan untuk masuk ka-satu peringkat yang membanggakan negara kita, dan menyeronokkan emej negara kita.

Oleh yang demikian, seruan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan kepada seluruh rayat negeri ini harus-lah di-sambut dengan penuh dan daya yang terokti jika kita mahu melangkah terus maju ka-depan.

Sa-bagai kepala negara, maka si-lap Baginda terhadap rayat dan negeri ini ada-lah jelas sekali untuk membawa ka-satu hala kebahagiaan. Untuk menghadapi ka-arab itu, Baginda mengemukakan soal2 ka-aman dan ketenteraman supaya ia-nya berjalan terus-meneru, kerana Baginda yakin bahawa hanya dengan keamanan dan ketenteraman sahaja, kita akan mencapai chita2 yang murni itu.

Ikran rayat dan penduduk negeri ini, yang bukan hanya dari uchapan bakhian mendalam ka-sambaran yang ikhlas dan jujur untuk bertamudan bersama2, Baginda ada-lah amat penting. Kita harus bersikap tenang dan sabar, di-samping sentiasa berusaha melengkapkan diri untuk menghadapi dan melangkah ka-tapak2 yang bakal kita hadapi.

Temeter-nya pindaan perjanjian itu ada-lah berarti bahawa Brunei

Darusalam dan rayat di-dalam-nya telah masuk ka-umang pintu yang sentiasa mengemukakan chabaru2 yang memerlukan kegiatan kita menghadapi nya.

Dalam jangka waktu itu, jika kita tidak dapat menunjukkan kemajuan yang kita kasahi ini ka-arab yang lebih makmur, aman dan tenteram, maka selagi itu-lah kita tidak dapat memastikan untuk masuk ka-satu peringkat yang membanggakan negara kita, dan menyeronokkan emej negara kita.

Oleh yang demikian, seruan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan kepada seluruh rayat negeri ini harus-lah di-sambut dengan penuh dan daya yang terokti jika kita mahu melangkah terus maju ka-depan.

Sa-bagai kepala negara, maka si-lap Baginda terhadap rayat dan negeri ini ada-lah jelas sekali untuk membawa ka-satu hala kebahagiaan. Untuk menghadapi ka-arab itu, Baginda mengemukakan soal2 ka-aman dan ketenteraman supaya ia-nya berjalan terus-meneru, kerana Baginda yakin bahawa hanya dengan keamanan dan ketenteraman sahaja, kita akan mencapai chita2 yang murni itu.

Ikran rayat dan penduduk negeri ini, yang bukan hanya dari uchapan bakhian mendalam ka-sambaran yang ikhlas dan jujur untuk bertamudan bersama2, Baginda ada-lah amat penting. Kita harus bersikap tenang dan sabar, di-samping sentiasa berusaha melengkapkan diri untuk menghadapi dan melangkah ka-tapak2 yang bakal kita hadapi.

Temeter-nya pindaan perjanjian itu ada-lah berarti bahawa Brunei

PERTANDINGAN BINTANG RADIO 1971



Johan Siti Meriam Yusof, johan jenis 1, ketika mengulangi suara-nya.

A WANG Sulaiman bin Ahmad dari Daerah Tutong dan Dayang Siti Meriam Yusof dari Daerah Brunei-Muara telah er-nya menjadi johan dalam pertandingan Bintang Radio 1971 bahagian ali yang telah berlangsung pada malam Ahad lepas.

Sementara Awang Amehin bin Mohammad Yassin dari Daerah Belait dan Dayang Zaiton Ali juga dari Daerah Belait telah menyandang johan dalam bahagian jenis baru.

Pertandingan Bintang Radio itu telah di-adakan di-Dewan Raya, Jabatan Penyarangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan pada 27 Nohember yang lalu. Ia-nya telah di-rakamkan oleh Pengarah Penyarangan dan Penerangan, Awang G.M. de Freitas.

Sa-ramai 22 orang peserta — termasuk 11 orang peserta perempuan — telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Lain2 kepulauan ada-lah seperti berikut:

Naib-johan bahagian seli lelaki ia-lah Awang Shamsuddin Idris dan pemenang ketiga ia-lah Awang Sudin Madiman.

Naib-johan ali perempuan di-menangi oleh Dayangku Salih binte Pengiran Suhaili dan pemenang ketiga ia-lah Dayangku Rohani binte Pengiran Manal.


Naib-johan bahagian laju baru, Ak Zaid bin Pg. Damit dan pemenang ketiga ia-lah Awang Abdul Hamid Uidin.

Naib-johan bahagian binte binte H. Awg Besar. Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Datin Dayang Tunah binte Abdul Rahman, isteri Pesebutraya Kebajikan.

Awang Amehin, johan lelaki dalam jenis baru menerima oscar kemenangan-nya.



Dayang Zaiton Ali johan dalam jenis baru sedang menerima oscar dari Datin Dayang Ti-nah.



Dayangku Rohani, pemenang ketiga jenis baru.

11hb. Disember, 1971 merupakan hari yang gilang gemilang bagi Jabatan Pelajaran Brunei. Pada hari tersebut Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah di-Batu 3, Jalan Gadong, akan di-

rasmikan pembukaan-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei. Maka pada hari tersebut bermula-lah satu sejarah baru dalam perkembangan pendidikan di-dunia sebelah sini.

LATEHAN PERGURUAN DI-BRUNEI

ADA-LAH menjadi suatu perkara yang membanggakan bahawa dalam tempoh masa empat belas tahun sejak tertubuh-nya sekolah Inggeris yang mula2 di-Brunei, Jabatan Pelajaran telah berjaya membuat peruntukan bagi melateh penuntut2 lelaki dan perempuan untuk menjadi guru2 Bahasa Inggeris di-sekolah2 dalam Negeri Brunei. Kemajuan dalam latehan guru yang sabagini pesat tidak-lah ada tolok banding-nya dengan negeri2 di-rantau ini. Maktab Perguruan yang mula2 di-Malaysia Barat di-mana penuntut2 tinggal di-asrama, di-laporkan telah mula2 dibuka di-Kota Baharu dalam tahun 1951, ia-itu lebih kurang enam puluh tahun sa-lepas tertubuh-nya Sekolah Inggeris yang pertama di-Malaya.

Dapat-lah juga di-ambil ingat bahawa usaha melateh guru2 bagi Sekolah2 Melayu dalam Negeri Brunei tidak pula di-abakan. Rekod2 dalam Jabatan membuktikan bahawa hingga tahun 1951, sabilangan kechil guru2 telah di-hantar untuk berlateh di-Maktab Perguruan Sultan Idris di-Tanjong Malim dan di-Maktab Perguruan Perempuan di-Durian Daun, Melaka.

Bilangan penuntut Brunei yang menerima latehan telah di-tambah dengan banyak-nya dalam tahun 1951 apabila Maktab Perguruan Batu Lintang di-Kuching bersetuju untuk menerima sa-puluh orang penuntut dari Brunei pada tiap2 tahun. Bilangan ini telah berganda dalam tahun 1953. Dalam tahun 1954, Kerajaan Borneo Utara telah bersetuju pula untuk menerima enam orang penuntut perempuan pada tiap2 tahun untuk berlateh di-Maktab Perguruan Kent di Tuaran, Sabah.

Menjelang tahun 1955, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dapat pula menghantar beberapa orang guru ka-United Kingdom untuk menjalani latehan lanjut. Dalam tahun itu sahaja, empat orang guru penyelia telah di-hantar ka-United Kingdom sa-lama tiga bulan bagi menjalani lawatan sambil mengkaji yang di-kekolakan oleh British Council. Satu2-nya hasil dari projek ini ia-lah membantu dalam menimbulkan suatu minat di-kalangan guru2 untuk menjalani latehan2 di-seberang laut.

Memandangkan kepada perkembangan yang bagitu pesat dalam lapangan pendidikan di-Negeri Brunei, maka mustahak-lah di-tubuhkan sa-buah pusat tempatan bagi melateh guru2. Dalam tahun 1956, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah meluluskan rancangan ini dan dalam pertengahan tahun itu juga sa-buah pusat perguruan telah di-mulakan di-sekolah yang terbesar di-Bandar Brunei pada masa itu — S.M.J.A. Pusat perguruan itu di-tempatkan sementara dalam tiga buah bangunan ka-jang. Kaki tangan-nya terdiri daripada sa-orang Pengetua Sambilan, sa-orang pensharah kanan di-pinjamkan dari Malaya dan sa-orang lagi guru tempatan yang berpengalaman. Kursus itu di-hadiri oleh 22 orang penuntut lelaki dan sa-orang penuntut perempuan.

Dalam tahun 1956, empat orang guru penyelia telah di-hantar ka-United Kingdom untuk menjalani kursus sa-lama sa-tahun.

Menjelang akhir tahun 1957, sa-buah bangunan tambahan yang

besar telah di-bena di-Maktab S.O.A.S. bagi menempatkan empat puluh orang guru pelateh yang bakal menerima latehan mereka di-Brunei. Walau bagaimana pun, di-sebabkan perkembangan sekolah2 dalam negeri, perlu-nya untuk mempunyai sa-buah pusat perguruan yang berasing tidak dapat di-elakkan lagi. Kebenaran untuk membena sa-buah Maktab Perguruan Melayu di-Berakas telah di-dapati dalam tahun 1957.

Mulai bulan Januari 1958, suatu rancangan untuk memberi latehan kepada guru2 yang belum terlateh telah di-lancarkan. Menurut rancangan ini, dua puluh tiga orang guru telah di-pindahkan ka-Bandar Brunei untuk membolehkan mereka mengajar di-sabalah pagi dan menghadhiri kursus di-sabalah petang. Guru2 tersebut telah tamat latehan-nya pada akhir tahun 1959.

Pada tahun 1958, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menawarkan untuk menerima sabilangan penuntut2 dari Brunei pada tiap2 tahun bagi menjalani latehan perguruan di-Kota Baharu, Kelantan. Di-bawah rancangan ini, sa-belas orang penuntut lelaki dan sa-orang penuntut perempuan — yang taraf kelulusan-nya sa-banding dengan Tingkatan Tiga — telah di-hantar untuk menjalani latehan sa-lama tiga tahun.

Dalam tahun yang sama, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah bersetuju untuk membiayai sapenoh-nya bagi melateh lima orang penuntut menjalani latehan perguruan di-Maktab Perguruan Kirby, Liverpool dengan syarat mereka itu mesti-lah berkhidmat di-Brunei sa-lama lima tahun sa-baik2 sahaja mereka tamat latehan. Kumpulan pertama mengandungi lima orang penuntut, empat orang dari Malaya dan sa-orang lagi dari Brunei. Mereka kesemua-nya mempunyai kelulusan Sijil Seberang Laut.

Dalam tahun 1959, Maktab Perguruan Melayu Brunei mulai menduduki tempat baru-nya di-Berakas, tetapi kemajuan maktab ini telah terganggu oleh suatu pemberontakan dalam tahun 1962. Bangunan Maktab di-Berakas telah di-ambil alih oleh pasukan keselamatan dalam tahun 1963 bagi menempatkan orang2 tahanan dan Maktab Perguruan telah di-pindahkan ka-bangunan Sekolah Melayu Berakas yang berdekatan di-situ.

Sa-belum tahun 1963, kursus perguruan yang di-dapati di-Brunei hanya-lah bagi melateh guru2 untuk Sekolah2 Rendah Melayu. Dalam tahun itu sa-ramai 178 orang penuntut (139 lelaki dan 39 perem-

puan) yang berkelulusan tidak lebih dari Darjah 8, Sekolah Melayu telah menjalani kursus di-Maktab. Kaki tangan Maktab pada masa itu terdiri daripada sa-orang Pengetua dan sa-puluh orang guru2 Melayu — lapan lelaki dan dua perempuan.

Sekali lagi dalam tahun 1963 suatu langkah yang progresif dalam lapangan perguruan di-Negeri Brunei telah di-ambil. Suatu kebenaran telah di-luluskan oleh Majlis Sultan bagi memulakan kursus tiga tahun bagi penuntut2 menengah yang mempunyai kelulusan hingga Sijil Rendah Pelajaran dalam aliran Melayu dan Inggeris. Dua puluh lima orang penuntut — 22 lelaki dan 3 orang perempuan, telah di-terima masuk dalam kumpulan pertama, yang memulakan latehan-nya di-Berakas pada awal tahun 1964.

Satu2-nya perkembangan yang luar biasa dalam lapangan pendidikan di-Negeri Brunei ia-lah langkah yang kena pada sa-at-nya yang telah di-ambil oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dalam tahun 1965 bagi memulakan kursus tiga tahun dalam dua bahasa (Melayu dan Inggeris) bagi penuntut2 tempatan yang berkelulusan Sijil Seberang Laut, Sijil Persekolahan Malaysia dan Sijil Am Pelajaran. Kumpulan pertama dalam tahun 1965 terdiri daripada lima orang penuntut — 3 lelaki dan dua perempuan. Bilangan pengambilan dalam kursus ini semakin bertambah hingga dalam tahun 1971 sa-ramai 96 orang penuntut telah di-terima masuk (49 lelaki dan 47 perempuan). Sunggohpun terdapat

kesulitan kekurangan pensharah2, nilai latehan perguruan dalam negeri ini ada-lah sa-jajar dengan latehan yang di-jalankan di-maktab2 perguruan di-Malaysia dan di-United Kingdom.

Oleh kerana popular-nya kursus2 bagi penuntut2 yang mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi ini maka terbuka-lah jalan lain bagi melayakkan dengan peringkat2 kursus tiga tahun bagi penuntut2 yang berkelulusan Darjah enam atau tujuh. Dalam tahun 1968 bilangan guru2 pelateh dalam aliran Melayu berjumlah 400 orang dan mereka ini kebanyakan-nya telah berpengalaman mengajar sa-lama sakurang2-nya sa-tahun. Bagi melateh dan melayakkan guru2 pelateh ini, suatu rancangan mengejut telah di-rangkakan. Menurut rancangan tersebut, guru2 pelateh itu di-tempatkan mengajar di-sekitar Bandar Brunei dalam tahun pertama-nya sambil menghadhiri kursus di-sebelah petang dan dalam tahun kedua pula mereka itu di-terima masuk ka-Maktab sa-bagai penuntut penuh. Kumpulan pertama guru2 jenis ini telah mula berkursus dalam tahun 1967, kumpulan kedua dalam tahun 1968 dan kumpulan ketiga dalam tahun 1969. Menerusi rancangan kursus ini, sa-ramai 334 orang guru — 190 lelaki dan 144 perempuan, telah berjaya mendapat Sijil Perguruan mereka.

Dari tahun 1956 hingga tahun 1970, 577 penuntut — 486 lelaki dan 93 perempuan telah tamat kursus mereka yang di-kenali sa-bagai Kursus "C".


Dalam tahun 1969, Bahagian Melayu dan Inggeris dalam Maktab Perguruan telah di-kekolakan di-bawah satu pentadbiran menumpang di-sabagian bangunan Maktab SOAS dan SMMP (Bukit). Kursus telah berjalan di-sabalah pagi dan petang.

Dalam Upacara Penyampaian Sijil yang berlangsung dalam tahun 1969, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menyampaikan sijil2 kepada 248 orang guru yang berjaya yang terdiri daripada 29 orang guru dari Kursus "A", 36 orang guru dari Kursus "B" dan 108 orang guru dari Kursus "C".


Dalam Upacara Penyampaian Sijil bagi tahun 1970, 244 guru telah menerima sijil mereka dari Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Dari jumlah ini, 29 daripadanya ia-lah Kursus "A", 48 Kursus "B" dan 55 Kursus "C". Penuh dan juga 112 Kursus "C" Sambilan.

Dalam bulan Januari, 1970, Maktab Perguruan sekali lagi berpindah ka-bangunan di-Berakas de-

(Lihat Muka 7)



Dewan besar Maktab Perguruan di-Jalan Gadong — Gambar Kelab Fotografi Maktab Perguruan.



Bangunan asal Maktab Perguruan Melayu Brunei (sekarang menjadi Khemah Tahanan). — Gambar Kelab Fotografi Maktab Perguruan.

215 orang guru akan menerima sijil

11hb. Disember, 1971 merupakan hari yang gilang gemilang bagi Jabatan Pelajaran Brunei. Pada hari tersebut Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkihah yang baru akan di-rasmikan pembukaan-nya dan pada hari yang sama sa-ramai 215 orang guru yang tamat latehan akan menerima sijil perguruan mereka. Maktab perguruan tersebut di-bena di-atas sa-buah bukit berhampiran dengan Jalan Gadong kira2 tiga batu dari Bandar Seri Begawan. Pada sa-belah pagi hari tersebut, 11hb. Disember, 1971, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sa-telah mengisytiharkan Pembukaan Rasm Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkihah, di-iringi oleh jemputan2 khas akan berchemar Duli memereksa bahagian2 maktab tersebut.

Pada sa-belah petang hari yang sama, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Menteri Besar Brunei akan menyampaikan sijil2 perguruan kepada guru2 yang telah lulus di-majlis Penyampaian Sijil maktab itu. Pada tahun ini 90 orang perempuan dan 125 orang lelaki akan menerima sijil2 mereka sa-telah tamat latehan sa-lama tiga tahun. Nama2 mereka ia-lah:-

Kumpulan A (Aliran Inggeris): Dk. Rokiah bte. Pg. Maiddin Damit, Dg. Norsiah bte. Ahmad, Dg. Jo-Dg. Lim Siew Lam, Dg. Roslind Chan Wah Lye, Awg. Lani bin Ismail, Aw. Suhaini bin Mohd. Hassan, Aw. Kishore N. Sajani, Aw. Albert Wee Thian Lai dan Aw. Tsen Kwee Ngen.

Kumpulan B (Aliran Inggeris): Dk. Rokiah bte. Pg. Maiddin Damit, Dg. Norsiah bte. Ahmad, Dg. Johanna bte. Abdullah, Dg. Koh Siew Luan, Dg. Lim Lian Wah, Dg. Chin Han Choo, Dg. Catherine Ngaiw Mee Lan, Aw. Maidin bin Mumin, Aw. Ya'akup bin Othman, Aw. Saliman bin Siput, Aw. Abdul Latif bin Tiam, Aw. Ariffin bin Abang Haji Ghazalli, Aw. Ali Hashim bin Nodin, Aw. Sikun bin Rayun dan Aw. Razali bin Awang Piut.

Kumpulan B (Aliran Melayu): Aw. Abdul Rahman bin Jamuddin, Aw. Abu Bakar bin Md. Jair, Aw. Tuah bin Apong, Aw. Chomwah bin Sidin, Aw. Jahri bin Lamit, Aw. Metassan bin Mohd. Yassin, Aw. Morshidi bin Abdullah, Aw. Ramli bin Omar, Aw. Tinggal bin Aman, Aw. Yunus bin Yacob, Dayang Arbiah binte Metali, D a y a n g Hasnah binte Metali, Dg. Masti bte. Ahmad, Dg. Meliah bte. Longkua, Aw. Abd. Karim bin Abd. Rahim, Ak. Ya'akup bin Pg. Hashim, Dk. Armah bte. Pg. Damit, Dg. Pungut bte. Metarsad, Aw. Yusuf bin Ya'akup, Aw. Mustapha bin Murni, Aw. Ja'afar bin Maidin, Aw. Md. Ya'akup bin Jaluddin, Aw. Mokti bin Abd. Ghani, Aw. Hj. Abdullah DSP Hj. Mangol, Dg. Halimah bte. Ghaffar, Aw. Abdullah bin Kassim, Ak. Hamdani bin Pg. Othman.

Aw. Alias bin Haji Hashim, Aw. Tujoh bin Talib, Aw. Ho Joong Jee, Aw. Emran bin Piut, Aw. Kahar bin Pungut, Aw. Md. Said bin Talib, Aw. Ahmad bin Idris, Dayang Siti Sara binte Abdul Hamid, Dayang Gusni binte Haji Mohiddin, Awang Hj. Ali bin Hj. Salleh, Dg. Ainon bte. Abd. Hamid, Aw. Abd. Kassim bin Hj. Safar, Aw. Mohammad bin A. Tuah, Dk. Jamaliah bte. Pg. Metussin, Dg. Hamidah bte. Omar, Aw. Shahri bin Mahali, Dg. Hasiah bte. Karim, Dk. Me-

riam bte. Pg. Hj. Sulaiman dan Aw. Mohd. Ali bin Ibrahim.

C 342. Sanipon bte. Ismail, C 356. Mohsin bin Taha, C 399. Misli bin Hj. Besar, C 456. Duming bin Abd. Wahab, C 472. Junaidi bin Abd. Ghani, C 495. Dk. Rosni bte. Pg. Ismail, C 498. Halus bte. Piut, C 518. Othman bin Basiah, C 569. Timbang bin Seruddin, C 618. Zakariah bin Ahmad, C 630. Mariam bte. Hidup dan C 632. Maisalamah bte. Sharbini.

C 10. Rohana bte. Abdullah, C 18. Rosni bte. Bakar, C 35. Shahrin bin Metali, C 36. Ramlee bin Md. Zain, C 39. Jumat bin Idris, C 45. Othman bin Ahmad, C 81. Masnah bte. Hj. A. Wahab, C 87. Fatimah bte. Kadir, C 92. Ak. Sulaiman bin Pg. Anum dan C 103. Zainal bin Abd. Rahman.

PENUNTUT2 YANG LULUS DALAM BULAN DISEMBER 1970

C 463. Harun bin A. Latiff, C 464. Hj. Md. Yusof bin Hj. Md. Yassin, C 500. Halimah bte. Uga, C 503. Masnah bte. Ibrahim, C 494. Dk. Hasnah bte. Pg. Hj. Damit, C 639. Rosnah bte. Md. Said, C 643. Norlinam bte. Ya'akub, C 106. Layau bin Yakim dan C 108. Taifah bte. Ja'afar.

PENUNTUT2 YANG LULUS DALAM TAHUN 1968—1969

C 117. Abd. Salam bin Jual, C 118. Abu Bakar bin Bulat, C 119. Aw. bin Md. Ya'akup, C 120. Ak. Metusin bin Pg. Tuah, C 121. Aminah bte. Hj. Umar Ali, C 122. Ak. Daud bin Pg. Damit, C 123. Ak. Jaya bin Pg. Tahir, C 124. Aminah bte. Md. Ali, C 125. Dk. Armah bte. Abd. Rashid, C 126. Azizah bte. Md. Ja'afar, C 127. Awang bin Omar, C 128. Ak. Aji bin Pg. Md. Tahir, C 129. Abu Bakar bin Ismail, C 130. Ak. Kamaluddin bin Pg. Md. Said, C 132. Aisah bte. Abu Bakar.

C 133. Ak. Ismail bin Pg. Damit, C 134. Abd. Hamid bin Nudin, S 135. Abdul M u l o k bin Hj. Pandin, C 136. Hasib bin Mayassin, C 137. Abu Bakar bin Mansor, C 138. Awang bin Pawi, C 139. Asli bin Rasil, C 141. Bujang bin Ajak, C 142. Bidah bte. Hj. Juma'at, C 143. Dk. Armah bte. Pg. Bakar, C 144. Dk. Rafiah bte. Pg. Metarasat, C 145. Dk. Aini bte. Pg. Damit, C 146. Dk. Sunah bte. Pg. Hj. Ismail, C 147. Dk. Salbiah bte. Pg. Metali, C 149. Hj. Amas bte. Hj. Yusof.

C 150. Emran bin Abd. Latif, C 151. Fatimah bte. Momin, C 152. Fatimah bte. Saidi, C 154. Habi-tizah bte. Hamzah, C 155. Habi-bah bte. Ibrahim, C 156. Halimah bte. Jali, C 157. Dy. Halimah bte. Hj. Ismail, C 158. Hajjah Ainun bte. Hj. Yusof, C 159. Hasnah bte. Abdullah, C 160. A Hashim bin Abd. Hamid, C 161. Ismail bin Metali, C 162. Ibrahim bin Abd. Razak, C 164. Jamilah bte. Othman, C 165. Kachi bin Abd. Hamid, C 166. Kamis bin Othman.

C 167. Morshid bin Abd. Kahar, C 168. Ali bin Umar, C 169. Mohidi bin Hj. Basi, C 170. Mohd. Daud bin Khirudin, C 171. Murni bin Seri, C 172. Manis bte. Mahmud, C 173. Maznah bte. Iradat, C 174. Matasat bin Nayal, C 175. Masni bte. Md. Serudin, C 176. Malayah bte. Yampil, C 178. Ali bin Sulung, C 179. Muhammad bin Amp. Nawi, C 180. Mohd. Salleh bin Ahmad, C 182. Masni bte. Hj. Abang, C 183. Mohd. Salleh bin A. Rahaman, C 184. Mohd. Ali bin Jumat, C 185. Mohd. Yusof bin

Rais, C 186. Metussin bin A. Damit, C 187. Merali bin Md. Salleh, C 188. Metussin bin Aw. Ajak, C 189. Mohd. Yassin bin Abd. Hamid.

C 190. Mohd. Yunos Hj. Kamis, C 191. Mohd. Taib bin Ramli, C 192. Maisalam bte. Aw. Besar, C 193. Norhani bte. Mohd. Yassin, C 194. Noordin bin Abu Bakar, C 195. Puteh bin Burut, C 196. Rafae bte. Hj. Mohd. Yassin, C 197. Rasidah bte. Aw. Damit, C 198. Rahmah bte. Hj. Walli, C 199. Rosnah bte. Abu Bakar, C 200. Rosnah bte. Ibrahim, C 201. Radiah bte. Chuchu, C 202. Rosmah-wati bte. Abdullah, C 203. Razali bin Mohd. Deli, C 204. Shamsudin bin Hj. Ahim.

C 205. Siti Rahmat bte. Mohd. Hussain, C 206. Sulaiman bin Md. Said, C 208. Seliha bte. Abd. Hamid, C 209. Sabariah bte. Mohd.

Noor, C 210. Siti Sara bte. Morshidi, C 211. Shairah bte. Abdullah, C 212. Suhaili bin Ladi, C 213. Sulaiman bin Laki, C 214. Sainah bte. Hj. Ibrahim, C 215. Sa'adiah bte. Merali, C 216. Sulaiman bin Duraman, C 217. Shahri bin Bakar, C 218. Talib bin Ibrahim, C 219. Tong Seng Kee, C 220. Tubi bte. O.K. Lukan, C 221. Umar bin Laki, C 222. Umar bin Rauf, C 223. Yusof bin Tuah.

C 224. Zabidah bte. Umar, C 225. Zaharah bte. Mohammad, C 226. Zabaidah bte. Muntol, C 227. Zaimah bte. Md. Noor, C 228. Zarinah bte. Shariff, C 229. Zainab bte. Abu Bakar, C 230. Zaini bin Aw. Tuah, C 231. Mauh bin Malang, C 232. Jailani bin Piut, C 233. Bakar bin Lakim, C 234. Adi bin Kahar, C 235. Tengah bin Tunjang, C 237. Normah bte. Hashim dan C 238. Jamilah bte. Metali.

LATEHAN PERGURUAN DI-BRUNEI

(Dari Muka 6)

ngan tambahan enam buah bilek darjah yang membolehkan maktab menjalankan kursus2 di-sabelah pagi dan petang.

Dalam bulan Januari, 1971, bangunan Maktab di-Berakas telah di-amal oleh Jabatan Pelajaran untuk memulakan sa-buah Sekolah Menengah Inggeris dan Maktab Perguruan telah kehilangan tempat buat sa-lama satu penggal.

Pada awal bulan April, 1971, beberapa buah kelas telah dapat di-jalankan di-Maktab baru di-Jalan Gadong. Rancangan untuk membena sa-buah maktab yang berasrama penuh bagi melateh guru2 dua bahasa telah di-luluskan dalam tahun 1966, tetapi rancangan ini hanya siap dalam keadaan-nya sekarang dalam tahun 1971. Kompleks bangunan maktab yang tetap di-Gadong terletak di-kawasan yang amat menarik. Bangunan bilek2 kuliah di-bena di-atas sa-buah bukit. Kompleks maktab mengandongi:-

- 13 buah bilek kuliah, dua buah makmal sains, sa-buah makmal bahasa, sa-buah bilek alat pandang dengan, sa-buah perpustakaan, sa-buah bilek Ilmu Alam, dua buah bilek Urusan Rumah Tangga, sa-buah bilek Art dan Craft, sa-buah bilek rehat bagi pensharah2 dan beranda2 yang besar serta luas.
- Sa-buah Dewan yang memuat 500 serta bilek2 setor di-bawah-nya dan sa-buah kantin serta juga lengkap dengan tandas2.
- Sa-buah dewan senaman yang moden serta lengkap dengan bilek2 salin pakaian dan tandas2.
- Dua buah asrama untuk lelaki dan perempuan lengkap dengan bilek2 yang boleh menempatkan 400 orang penuntut, sa-buah dewan makan yang luas, sa-buah bilek dapur yang moden, dua buah bilek rehat, dua buah bilek pesakit, sa-buah klinik gigi, bilek2 menchuchi pakaian, tandas2 dan bilek2 setor.
- Sa-buah surau bagi penuntut2 Islam menunaikan sembahyang.
- Sa-buah padang sukan dan permainan.
- Sa-buah Sekolah Rendah Melayu.

Boleh-lah di-tegaskan bahawa pojek bangunan ini belum-lah bagitu lengkap. Jika hendak mencapai suatu tujuan yang lebeh ideal bagi sa-sebuah maktab yang berasrama penuh, maka perlu-lah

juga di-bena tempat2 kediaman dalam kawasan maktab bagi pensharah2 dan kaki tangan serta buroh2. Untuk menhantakkan lagi kawasan maktab ini, rumput dan pokok2 terpaksa di-tanam guna mengelakkan berlaku-nya hakisan.

Bilangan penuntut pada tahun 1971 ia-lah 328 — 186 lelaki dan 142 perempuan.

Tanggung jawab pentadbiran maktab terserah kepada Penyusun Latehan Guru, Aw. A.D. Bumford serta di-bantu oleh Pengetua, lima orang pensharah tempatan dan 16 orang pensharah yang berkhidmat sa-chara ktrek dengan kerajaan. Kekurangan pensharah2 ada-lah di-penohi oleh pensharah2 sambilan.

Mulai daripada tahun 1972, Maktab Perguruan akan menawarkan kursus2 khas dalam mata pelajaran sains am (Sains Paduan), Hisab Baru, Art dan Craft dan Urusan Rumah Tangga kepada pelajar2 yang terpilih.

JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Juru Pemuleh Anggota

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Juru2 Pemuleh Anggota yang berkelayakan untuk memenohi jawatan kosong di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Kelulusan yang lazim-nya di-perlukan ia-lah Chartered Physiotherapist (United Kingdom) atau kelulusan bersamaan yang di-ikuti.

Gaji:

Dalam sukatan gaji BW 1 — \$1090-1140x40-1100. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Duration:

Satu ktrek sa-lama tiga tahun dan pembaharuan ktrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei. Butir2 mengenai shara2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perawatan, Pejabat Perawatan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perawatan, Pejabat Perawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada-nva tidak lewat daripada 9hb. Disember, 1971.



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menganugerahkan Bintang Kebesaran Negeri Brunei Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Mulia — D.S.N.B. kepada Yang Amat Berhormat Awg. George Thomas. (gambar atas kanan).

Baginda juga menganugerahkan Darjah Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Di-Hormati — D.P.M.B. kepada Major Mohamed bin Haji Daud, dari Askar Melayu Diraja Brunei (gambar atas kiri).

Istiadat tersebut berlangsung di Balai Pemajangan Indera Kenchana, Istana Darul Hana petang pada hari Sabtu lepas.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir di-istiadat itu termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan; T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bolkiah; Penasehat Umum kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Seri Utama Awang Isa; Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Hj. Mohamed Yusof, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Kopral Awang meninggal sa-chara mengejut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kopral Awang bin Abu Bakar dari Askar Melayu Diraja Brunei telah meninggal sa-chara mengejut sa-masa menjalani latihan dalam hutan di-Ulu Temburong pada hari Sabtu lalu.

Mengsahkan sebab2 kematian Allahyarham itu, Pegawai Perubatan Askar Melayu Di-

raja Brunei, Lt. Col. Dato Setia J.G. Moran menyatakan semalam bahawa Kopral Awang telah mengalami kegagalan sistem pernafasan dalam masa latihan itu sedang berjalan.

Jenazah Allahyarham Kopral Awang telah selamat di-kebumikan dengan penuh kehormatan tentera pada hari Ahad lepas di-tanah perkuburan di-Kampung Orang Kaya Besar Imas, Berakas.


Di-antara yang hadir di-upacara pengebumian Allahyarham itu ialah Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Dato Setia Pahlawan J.J.H. Simpson, pegawai2 dan lebih dari 60 orang anggota2 AMDB.

Allahyarham Kopral Awang telah berkhidmat dengan Askar Melayu Diraja Brunei sa-lama 6 tahun dengan menggunakan nombor keanggotaan-nya B3534 dan telah menjadi anggota di-beberapa kompeni dalam perkhidmatan itu. Sa-masa meninggal itu, Allahyarham sedang berkhidmat dalam "A" kompeni.

Beliau telah meninggalkan sa-orang balu dan tiga orang anak.

Atas kematian Allahyarham itu, Pegawai2 dan anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei telah melancarkan kutipan derma kilat dan telah berjaya mengutip lebih dari \$600.00 dan telah pun di-serahkan kepada keluarga Allahyarham.

Sa-orang juruchakap AMDB menyatakan semalam bahawa balu Allahyarham dan anak2-nya akan menerima derma dari Tabong Kebajikan AMDB yang akan di-keluarkan tidak lama lagi.



Allahyarham Kopral Awang bin Abu Bakar.

Sekolah2 Melayu di-buka hari ini

BANDAR SERI BEGAWAN. Lebih daripada 20,000 orang murid dari sekolah2 rendah dan menengah Melayu di-negeri ini, hari ini telah belajar sa-mula di-sekolah masing2 sa-telah berchuti panjang dalam bulan Puasa.

Murid2 itu ada-lah terdiri dari 108 buah sekolah termasuk enam buah sekolah menengah yang telah memulakan chuti mereka kerana bulan Puasa dan Hari Raya sejak minggu kedua dalam bulan Oktober yang lalu.

Sekolah2 Menengah Melayu itu ia-lah Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan di-Jalan Muara; Sekolah Menengah SMJA di-Bandar Seri Begawan; Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong;

Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan, Bangar, Temburong; Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria dan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin di-Kuala Belait.

Berkursus di-H.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pembantu pegawai balai dari Pasokan Bomba Brunei akan berlepas ka-Hong Kong pada 4 Disember, untuk menjalani kursus latihan pegawai sa-lama enam bulan di-Pusat Latihan Bomba di-tanah jajahan itu.

Mereka ia-lah Awangku Omar Ali bin Pengiran Idris dan Awangku Ahmad bin Pengiran Apong.

Sa-masa menjalani kursus, mereka itu juga akan mempelajari lain2 aspek berhubung dengan perkhidmatan bomba. Kursus tersebut akan bermula pada 6 Disember ini.

KOLAM TEMPAT PANCHING IKAN DI-SUNGAI JAMBU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perikanan telah membuka sa-buah kolam baru yang besar di-Ladang Ikan Sungai Jambu, untuk memberi peluang kepada orang ramai memancing ikan sa-chara suka2an.

Kolam itu luas-nya dua ekar di-isikan dengan beribu2 ekor ikan dari enam jenis ikan yang di-antara-nya telah mencapai berat kira2 8 kati sa-ekor.

Surat kebenaran untuk memancing ikan itu boleh di-perolehi dari Pegawai Melesen Perikanan di-Pejabat Perikanan, Bandar Seri Begawan pada bila2 masa Pejabat2 Kerajaan dibuka dengan bayaran dua ringgit pada tiap2 surat kebenaran itu.

Surat K e b e n a r a n itu hanya boleh di-gunakan untuk sekali sahaja melawat kolam itu dan memancing dengan menggunakan satu kail sahaja.

Ikan yang di-perolehi itu ada-lah hak kepunyaan orang yang menangkap-nya.

Oleh kerana kekurangan tempat memancing ikan, maka hanya 20 Surat kebenaran sahaja akan di-keluarkan oleh Jabatan Perikanan pada tiap2 kali dan ia-nya akan di-keluarkan kepada mereka yang memohon terlebih dahulu.

Penuntut2 pulang ka-tanah ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang penuntut Ugama Brunei yang belajar di-Sekolah Ugama Kuala Trengganu, Malaysia Barat akan pulang ka-tanah ayer pada hari Juma'at 3 Disember kerana chuti persekolahan.

Penuntut2 itu ia-lah Dayang Norsiah binte Shamsuddin, Dayang Zaleha binte Mohamed Zain dan Dayang Rasiah binte Othman.

Dua orang lagi penuntut2 akan pulang ka-Brunei pada hari Sabtu 4 Disember.

Mereka ia-lah Dayang Mastura binte Haji Awang dari Sekolah Ugama Perempuan Ta'Eyah, Perak dan Dayang Siti Azimah binte Abdul Rahman dari Sekolah Ugama Gunung Semangol, Perak.

Sementara itu, 31 orang lagi penuntut2 Brunei yang belajar di-Sekolah2 Menengah Singapura akan pulang ka-Brunei pada hari Ahad 5 Disember.

Semua penuntut2 itu di-jadualkan tiba di-Lapangan Terbang Berakas pada jam 3.50 petang.

Taman permainan kanak2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Di-Pertua Kelab Rotary Bandar Seri Begawan, Awang Barry Paget telah meresmikan pembukaan tempat kanak2 bermain di-Jalan Dato Ibrahim pada minggu lalu.

Tempat bermain itu telah dibina oleh Kelab Rotary Bandar Seri Begawan dengan perbelanjaan kira2 dua ribu ringgit dengan bantuan beberapa orang kontrek-tor dan orang ramai.

Beliau berkata, tempat bermain itu akan mengadakan tempat bagi kanak2 bermain dan menghiburkan diri dengan bebas-nya.